

9 MAR 1996

MENTERI LUAR IRAN MULAKAN LAWATAN ESOK

KUALA LUMPUR, 9 Mac (Bernama) -- Menteri Luar Iran, Dr Ali Akbar Velayati akan tiba di sini esok untuk lawatan dua hari sebagai wakil Khas Presiden Akbar Hashemi Rafsanjani.

Beliau di sini untuk menyampaikan undangan Presiden Iran kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menghadiri pelancaran "Rangkaian Landasan Keretapi Antara Penyambungan" antara Iran dan Turkmenistan dijadualkan pada mei, menurut kenyataan Wisma Putra hari ini.

Dr Velayati juga akan menemui rakan sejawatannya Datuk Abdullah Ahmad Badawi bagi membincangkan hubungan dua hala dan bertukar-tukar pendapat mengenai isu-isu antarabangsa demi kepentingan bersama.

Selepas Malaysia, beliau dijangka melawat Indonesia dan Brunei Darussalam.

-- BERNAMA

HS FAZ